



Fatwa
**TENTANG
MEROKOK**

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

FATWA MENGENAI “HUKUM MEROKOK”

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah memutuskan dan menetapkan hukum merokok adalah **HARAM** berdasarkan :-

1. Sifatnya yang lebih mendatangkan keburukan dan kemudharatan.

i. Firman Allah S.W.T. di dalam surah Al-Baqarah : 195

Maksudnya: Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

ii. Firman Allah S.W.T. di dalam surah Al- A'raf : 157

Maksudnya: “.....dan ia menghalalkan bagi mereka yang baik-baik, dan mengharamkan yang buruk”

iii. Daripada Abu Sa'id Sa'd Ibn Malik Ibn Sinan al-Khudri r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda :

Maksudnya: “Tidak boleh melakukan kemudharatan dan dhiror (menyakiti orang yang menyakitinya dengan cara yang tidak sebenar)”

(Riwayat : Ibn Majah)

2. Satu perbuatan pembaziran yang amat ditegah oleh agama.
Firman Allah S.W.T. di dalam surah Al-Isra' : 27)

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

3. Dengan mengambil kira pandangan *ulama' - ulama' Muktabar* seperti pandangan Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan Fatwa Kerajaan Arab Saudi.

Mesyuarat bersetuju mewartakan hukum merokok sebagai **HARAM** di Negeri Pulau Pinang.

(*Fatwa pada Julai 2004*)

Fatwa :

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Merokok adalah **HARAM**.
2. Bagi maksud fatwa ini, "ROKOK" ialah tembakau yang digulung dengan kertas atau daun nipah atau selainnya. Larangan ini meliputi kepada sifat serta ancumannya seperti berikut :-
 - (i) Melahirkan sikap serta tabiat yang buruk.
 - (ii) Mendatangkan kemudaratan dari sudut kesihatan.
 - (iii) Pembaziran yang amat ditegah oleh agama.
3. Oleh yang demikian, adalah **HARAM** bagi mana-mana orang Islam menghisap apa-apa jenis rokok, menjual atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam hal yang berkaitan dengan rokok.

(*Warta pada November 2004*)



Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-2632975

Faks: 04-2632985

<http://mufti.penang.gov.my>